



No. Buku Daftar Strata:  
1382

**AKTA HAKMILIK STRATA, 1985**  
**PERAKUAN PENUBUHAN PERBADANAN PENGURUSAN**  
*(Certificate Of Establishment Of Management Corporation For  
Sub-Divided Building/Buildings)*

Rujukan Permohonan Skim Strata	Butir-Butir Tanah	Bil. Hakmilik Strata (Petak)	Bil. Pasangan Petak Aksesori	Agregat Unit Syer
(PTG/WP. 20/1901/2002)	GRN 42415 Lot 156 Sek. 43 Bandar Kuala Lumpur	194	377	5908

Dengan ini adalah diperakui bahawa yang beralamat di, **Hampshire Park Management Corporation, 6 Persiaran Hampshire, Off Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur** adalah sebuah badan korporat atau *body corporate* yang terwujud dengan otomatis di bawah Seksyen 39 Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) pada **13hb November 2003** iaitu berikutan terdaftarnya hakmilik-hakmilik strata (*strata titles*) pada tarikh tersebut menurut peruntukan Bahagian III Akta ini;

Perbadanan ini hendaklah dianggotai oleh pemilik-pemilik petak berdaftar (*registered parcel proprietors*) bagi hakmilik-hakmilik strata yang telah didaftarkan itu. Tertakluk kepada apa-apa sekatan yang dikenakan atau arahan yang diberi oleh Perbadanan ini dalam suatu mesyuarat agung, maka Perbadanan ini hendaklah **memilih suatu Majlis** yang hendaklah melaksanakan tugas Perbadanan ini dan menjalankan urusan Perbadanan ini bagi pihak dirinya, dan boleh menjalankan mana-mana kuasa Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*) menurut Akta ini. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam **Jadual Kedua** Akta ini hendaklah mempunyai kuatkuasa berhubungan dengan Perbadanan ini dan Majlisnya;

Perbadanan ini boleh **mendakwa dan didakwa** (*may sue and be sued*), mempunyai meterai (*common seal*), dan hak turun temurun (*perpetual succession*). Kewujudan Perbadanan ini tidaklah perlu didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan, Pendaftar Syarikat atau di bawah kuatkuasa mana-mana undang-undang bertulis yang lain; DAN,

Perbadanan ini hendaklah menjadi pemilik harta bersama (*common property*) dan penjaga dokumen hakmilik keluaran bagi lot tanah di mana bangunan skim strata itu didirikan sekarang. Dengan demikian, undang-undang kecil yang terkandung dengan nyata dalam **Jadual Ketiga** Akta ini adalah berkuatkuasa dengan sendirinya bagi segala maksud berhubungan dengan setiap bangunan yang telah dipecah bahagi untuk hakmilik strata itu.

Diperakui dan disahkan oleh saya pada 24hb Julai 2007.  
**Rujukan Perbadanan Pengurusan**  
PTG/WP. 20/1/1382

(**MOHD IZWAN NUZAIHAN BIN JAMIL**)  
Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur.